



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**AMALAN KEPIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA SEKOLAH  
MENENGAH LUAR BANDAR**

**FPP 2004 9**



**AMALAN KEPEMIMPINAN PENGAJARAN  
PENGETUA SEKOLAH MENENGAH  
LUAR BANDAR**

**MOHD. SUHAIMI B. MOHAMED ALI**

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2004**



**AMALAN KEPEMIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR**

Oleh

**MOHD. SUHAIMI B. MOHAMED ALI**

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Mei 2004**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**AMALAN KEPEMIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR**

Oleh

**MOHD. SUHAIMI B. MOHAMED ALI**

**Mei 2004**

**Pengerusi: Profesor Datin Sharifah Md. Nor, Ph.D.**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan kepemimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah luar bandar. Tiga objektif kajian ini ialah (i) meneliti amalan kepemimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah luar bandar, (ii) mengenal pasti nilai dan kepercayaan pengetua serta strategi yang dilaksanakan mereka dan (iii) mengenal pasti elemen yang mempengaruhi amalan dan tingkah laku kepemimpinan pengajaran pengetua.

Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini melibatkan teknik temu bual dengan tiga informan utama iaitu pengetua di tiga buah sekolah menengah luar bandar di Negeri Perak. Selain itu, temu bual guru-guru, pemerhatian dan tinjauan dokumen turut digunakan sebagai satu kaedah triangulasi. Proses penjanaan data memerlukan penyelidik berada sekurang-kurangnya 15 hari di

setiap buah sekolah. Sekolah yang dipilih terdiri daripada tiga kategori iaitu sekolah cemerlang, sekolah sederhana dan sekolah lemah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan kepemimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah luar bandar boleh ditakrifkan secara luas iaitu semua aktiviti kepemimpinan yang memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Amalan yang dilaksanakan ialah menyempurnakan program pengajaran dan pembelajaran, menetapkan iklim sekolah yang positif dan membentuk rangkaian hubungan dengan guru dan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Untuk menyempurnakan matlamat ini, pengetua merancang, melaksana dan memantau program dan aktiviti sekolah. Dalam menetapkan iklim sekolah, pengetua berusaha mewujudkan budaya sekolah yang dapat merapatkan warga sekolah. Membentuk rangkaian hubungan merujuk kepada kemampuan pengetua membina rangkaian hubungan dengan guru, pelajar dan ibu bapa. Dapatan kajian juga menunjukkan pengetua yang mempunyai nilai dan kepercayaan yang positif terhadap *stakeholders* dan jangkaan yang tinggi terhadap murid mampu membawa perubahan kepada sekolah mereka. Demikian juga sebaliknya, pengetua yang mempunyai nilai dan kepercayaan yang negatif menghadapi masalah dalam peranan kepemimpinan mereka.

Dapatan kajian turut menunjukkan selain pengalaman profesional, kesediaan dan ciri personal pengetua mempengaruhi amalan mereka. Walaupun ketiga-tiga sekolah terletak di luar bandar, konteks sekolah yang berbeza dari segi

budaya sekolah, pelajar dan komuniti juga mempengaruhi amalan kepemimpinan mereka.

Dapatan kajian menunjukkan sistem pemantauan, nilai dan kepercayaan, stail kepemimpinan dan konteks sekolah membezakan pengetua sekolah cemerlang, sederhana dan lemah. Dapat dirumuskan empat amalan kepemimpinan pengetua sekolah luar bandar jika mereka ingin mencapai kejayaan. Pertama, amalan kepemimpinan berorientasikan perkongsian, kedua, nilai dan kepercayaan pengetua yang positif, ketiga, pengalaman profesional dan ketrampilan dan terakhir, kemampuan mewujudkan budaya positif di sekolah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

## **INSTRUCTIONAL LEADERSHIP PRACTICES OF RURAL SECONDARY SCHOOL PRINCIPALS**

By

**MOHD. SUHAIMI B. MOHAMED ALI**

**May 2004**

**Chairman : Professor Datin Sharifah Md. Nor, Ph.D.**

**Faculty : Educational Studies**

This study aimed at exploring rural secondary school principals' instructional leadership practices. The objectives of the study are (i) to examine principals' instructional leadership practice in rural secondary schools, (ii) to identify principals' values and beliefs, and (iii) to identify elements that influence the practice and behaviour of principals' instructional leadership

This study employed the qualitative method that makes use of the interview and observation techniques. The informants were principals of three secondary schools in the state of Perak. For purpose of triangulation, interviews with teachers, observations and document analysis were also employed. The process of data collection required the researcher to base himself for at least 15 days in each of the schools. The selected schools were categorized as high performing schools, moderate performing schools and poor performing schools.

Principals' instructional leadership practice can be broadly defined as leadership practices that have an impact to students' achievement.

The findings suggested that there were three main instructional leadership behaviour practiced by all the three principals in their respective schools. These practices were carried out to ensure the success of the teaching and learning programme, to establish a positive school climate, and to create communicative networking with teachers and other relevant parties. In order to achieve these goals, the principals planned, implemented and monitored the programmes. In establishing a positive school climate, the principals strived to create a school culture that can unite the various members of the school. Creating communicative networking refers to the principals' capabilities to establish communicative networking with teachers, students and parents. The finding also showed that principals who possess positive values and beliefs towards the schools' stakeholders and have high expectation towards their students are capable of bringing change to their respective schools. On the other hand, principals with negative values and beliefs encountered problems in their leadership roles.

The findings show that apart from their professional experience, principals' readiness and personalities also influence their instructional leadership practices. Although the three schools are situated in the rural areas, the school





contexts varies in terms of school culture, the students and community involvement. These factors also influence the principals' instructional leadership practices.

The findings suggest that principals' monitoring system, their values and beliefs, leadership style and school contexts differentiate the principals of high, moderate and poor performing schools. It can be concluded that there are four elements of the principals' instructional leadership practices in rural secondary schools which are needed to make these schools successful. First, is shared leadership practice, second, principals' positive values and beliefs, third, professional experience and principals' personalities, and finally the ability to create a positive culture of the school.



## PENGHARGAAN

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi yang memberi kekuatan dan kesihatan yang baik sepanjang tempoh pengajian ini. Ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan untuk hadiah biasiswa kepada saya melanjutkan pelajaran peringkat ijazah kedoktoran. Kajian ini tidak akan berhasil tanpa bimbingan dan sokongan yang berterusan daripada penyelia utama saya, Prof. Datin Dr. Sharifah Md. Nor. Beliau sentiasa membantu supaya saya menulis dengan jelas dan menarik serta menyediakan rujukan yang bersesuaian.

Demikian juga pandangan dan komen yang membina daripada tiga ahli jawatan kuasa penyeliaan, Prof. Madya Dr. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Dr. Foo Say Fooi dan Prof. Dr. Haji Azimi b. Haji Hamzah. Tanpa ketajaman fikiran mereka mungkin tulisan ini tidak dapat disempurnakan. Kesediaan mereka untuk memberi pandangan dan bantuan amat dihargai.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah lain yang mana saya telah mengikuti kelas mereka dan berpeluang bertukar fikiran. Kepada Dr. Jamaliah Abd. Hamid (UPM) dan Dr. Rohaida Saat (UM) yang sudi meluangkan masa untuk membaca dan memberi komen penulisan tesis saya dari peringkat awal amat saya hargai. Pandangan anda terutama teknik menganalisis data

membantu saya melihat dari perspektif yang lebih luas. Begitu juga kepada rakan yang menuntut di UPM terutama Rosma dan Hajar yang membaca tesis saya dan memberi komen yang konstruktif walaupun mereka sibuk menyiapkan tesis masing-masing. Kepada rakan yang lain sama ada di UPM dan lain-lain universiti yang sentiasa memberi bantuan dan kerja sama setiap kali saya memerlukannya, saya doakan kejayaan anda.

Tidak ketinggalan juga semua staf dan pegawai di Pusat Dokumentasi, BPPDP yang sering membantu saya mendapatkan maklumat dan rujukan yang diperlukan. Rakan sepejabat yang sentiasa menerima kehadiran saya dan sedia membantu melicinkan proses yang panjang ini. Kepada semua informan yang terlibat, saya mengambil kesempatan ini dengan rendah diri untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama, bantuan, pertolongan dan penerimaan terhadap saya sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Saya percaya tanpa kerja sama dan penerimaan mereka, kajian ini tidak mungkin dapat disiapkan. Akhirnya, kepada semua ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, semoga ia menjadi inspirasi untuk kalian berjaya.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	x
PENAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI ABREVIASI	xix
<b>BAB I    PENGENALAN</b>	
Pengenalan	1
Latar belakang Kajian	2
Tugas dan Peranan Pengetua di Malaysia	19
Pernyataan Masalah Kajian	23
Objektif Kajian	28
Kepentingan Kajian	28
Batasan Kajian	30
Definisi Istilah	31
Organisasi Kajian	33
<b>BAB II    TINJAUAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	35
Pendidikan Di Luar Bandar	36
Konsep Kepemimpinan	47
Kepemimpinan Pengetua	49
Pengetua Sebagai Pemimpin Rasmi	52
Tugas dan Peranan Pengetua	55
Stail Kepemimpinan Pengetua	64
Ciri Tingkah Laku Pengetua Berkesan	67
Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	75
Definisi Kepemimpinan Pengajaran	76
Konsep dan Aktiviti Kepemimpinan Pengajaran	81
Model Amalan dan Tingkah laku Kepemimpinan Pengajaran Pengetua:	88
Model Hallinger dan Murphy	88
Model Ubben dan Hughes	92
Model Hussein	95
Model Krug	96
Rumusan Model	99
Nilai dan Kepercayaan Pengetua	101
Peranan Nilai dan Kepercayaan Terhadap Kepemimpinan Pengetua	101
Kaitan Nilai dan Kepercayaan Pengetua Dengan Budaya Sekolah.	110

Kepemimpinan Pengetua dan Konteks Sekolah	116
Kaitan Konteks Sekolah dengan Kepemimpinan Pengetua	116
Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dan Sekolah Luar bandar.	128
Kerangka Konsep Kajian	140
Rumusan	143
<b>BAB III METODOLOGI</b>	
Pengenalan	145
Pendekatan Kaedah Kajian	146
Prosedur Persampelan	150
Pemilihan Peserta	151
Lokasi Kajian	157
Jangkamasa Kajian	165
Kaedah Penjanaan Data	167
Temu bual Mendalam	168
Pemerhatian	173
Tinjauan Dokumen	179
Aspek Triangulasi	182
Pengurusan dan Penganalisan Data	184
Pengurusan Data	185
Penganalisan Data	187
Kesahan dan Kebolehpercayaan	194
Etika dan Kerahsiaan	197
Penyelidik Sebagai Instrumen	198
Rumusan	200
<b>BAB IV DAPATAN KAJIAN</b>	202
Pengenalan	202
Objektif Pertama	203
Amalan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	205
Menyempurnakan Program Pengajaran & Pembelajaran	205
Merancang	234
Melaksana	238
Memantau	285
Menetapkan Iklim Sekolah	286
Budaya Sekolah	301
Visi dan Misi Sekolah	321
Program Keceriaan Sekolah	328
Membentuk Rangkaian Perhubungan	328
Hubungan Dengan Guru	344
Hubungan Dengan Murid	365
Hubungan Dengan Ibu Bapa	
Objektif Kedua	376
Nilai dan Kepercayaan Pengetua	

<b>BIBLIOGRAFI</b>	560
<b>LAMPIRAN</b>	597
<b>BIODATA PENULIS</b>	648



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Bilangan Sekolah dan Enrolmen Murid Sekolah Menengah Seperti Pada Jun 2001	13
2	Masalah Murid Miskin	43
3	Susunan Tugas Pengetua Sebenar Dan Yang Ideal	57
4	Kepemimpinan Pendidikan di Malaysia	61
5	Pengetua Berkesan Berperanan	68
6	Peranan Tingkah Laku Pengetua Berkesan	69
7	Analisis Tingkah Laku Kepemimpinan Pengajaran oleh Pengkaji	84
8	Institusi Pendidikan Yang Bergerak dan Tersekat	112
9	Pengkaji dan Pengaruh Konteks Terhadap Kepemimpinan Pengetua	120
10	Penyebaran Persampelan Kajian	153
11	Latar Belakang Pengetua	153
12	Profil Sekolah	159
13	Jadual Temu bual Dengan Pengetua	172
14	Bilangan Temu bual Dengan Guru	173
15	Dokumen yang Diterima Daripada Sekolah	181
16	Contoh Pengambilan Petikan	186
17	Amalan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Sekolah Menengah Luar bandar	204
18	Definisi Amalan Menyempurnakan Program P&P	205
19	Pergerakan Pengetua	508
20	Bilangan Pencerapan Guru Oleh Pengetua	512
21	Program Peningkatan PMR 2000	636
22	Perbandingan SPM 2000 dan 2001	637
23	Strategi Pelaksanaan Program SPM	638
24	Keputusan PMR & SPM 1995-2001	640
25	Perbandingan Pencapaian Mata Pelajaran PMR 2001	640
26	Empat Fokus Sekolah LB1	641
27	Tiga Strategi Program Sekolah	642
28	Perbandingan Target dan Pencapaian PMR 2001	643
29	Kelulusan Murid Mengikut Pangkat SPM	643
30	Sasaran Kerja Tahunan 2002	644
31	Program Kecemerlangan PMR dan SPM	645
32	Aktiviti Pemantauan Guru	646
33	Analisis Kategori Murid Tingkatan 3 Berdasarkan PPT	647
34	Peningkatan Peratus Mata Pelajaran	647

**SENARAI RAJAH**

Rajah		Halaman
1	Gambaran Kajian Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Sekolah Menengah Di Luar Bandar	34
2	Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Murid Sekolah Luar Bandar	44
3	Kepemimpinan Pengetua: Perspektif Tiga Dimensi	52
4	Dimensi Pengurusan Kepemimpinan Pengajaran Hallinger & Murphy (1985)	89
5	Model Ubben & Hughes	94
6	Model Hussein	96
7	Jenis Sekolah Mengikut Keberkesanan dan Peningkatan	113
8	Kerangka Konsep Kajian	143
9	Tiga Tema Utama Amalan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Sekolah Luar bandar	203



## SENARAI ABREVIASI

BPPDP	- Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPPP	- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan
IAB	- Institiut Aminuddin Baki
JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
KAA	- Kelas Aliran Agama
KBSM	- Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KKPK	- Kelayakan Profesional Keperolehan Kebangsaan
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
MAPEN	- Majlis Perundingan Ekonomi Negara
MAS	- <i>Minimum Adequate Syllabus</i>
P&P	- Pengajaran dan Pembelajaran
PIBG	- Persatuan Ibu Bapa Guru
PK	- Penolong Kanan
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
PPD	- Pejabat Pendidikan Daerah
RK	- Rancangan Khas
SEDL	- Southwest Educational Development Laboratory
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
SSE	- Status Sosio- Ekonomi
UPSR	- Ujian Penilaian Sekolah Rendah
3K	- Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

Pengetua merupakan pemimpin organisasi sesebuah sekolah. Mereka mempunyai tanggungjawab yang berat kerana perlu memahami konteks sekolah sebelum perancangan program yang bersesuaian dapat dilaksanakan. Setiap sekolah itu adalah unik dari segi sosio-budaya dan keperluan warganya. Perlantikan pengetua diharap dapat memberi impak kepada organisasi yang dipimpinnya. Persekitaran luar bandar memerlukan pengetua itu mempelajari sistem sosial sekolah berkenaan supaya dapat bertugas dengan berkesan malahan mampu memberi sumbangan positif berlandaskan amalan kepemimpinannya. Melalui cara ini, pihak sekolah dapat membantu murid luar bandar mendapat pendidikan berkualiti. Ramaiah (1992) melihat tugas pengetua merujuk kepada bagaimana mereka berupaya, berkebolehan dan secara bijaksana mentadbir, mengarah, mendorong atau mempengaruhi ahli untuk melaksanakan matlamat sekolah. Pengetua diandaikan dapat mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang teratur, cekap dan diurus dengan baik kerana ia merupakan salah satu prasyarat untuk meningkatkan proses pengajaran, memotivasi guru dan pembelajaran murid.

## Latar belakang Kajian

Maklumat dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), pada tahun 2001 menunjukkan terdapat 1,641 buah sekolah menengah di negara ini dan lebih separuh daripadanya (987 buah) terletak di luar bandar. Terdapat dua definisi yang menentukan lokasi sekolah luar bandar yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu status sekolah semasa ia mula didaftarkan dan semua sekolah yang terletak di luar pentadbiran Majlis Tempatan di setiap negeri. Memandangkan terdapat bilangan sekolah menengah yang besar di luar bandar, adalah menarik jika kajian berkaitan kepemimpinan pengajaran pengetua dapat dijalankan tambahan terdapat bukti kepemimpinan pengajaran pengetua mampu mengubah wajah sekolah. Sehubungan itu, terdapat lima faktor utama mengapa kajian mengenai kepemimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah luar bandar perlu dijalankan. Pertama ialah pandangan yang menyokong kenyataan bahawa peranan kepemimpinan pengetua meningkatkan pencapaian akademik murid, kedua; keperluan pengetua melaksanakan tugas dengan lebih berkesan, ketiga, belum ada kajian di negara ini yang meneliti proses kepemimpinan pengajaran pengetua terutama di sekolah menengah luar bandar, keempat, faktor sekolah memainkan peranan penting menentukan kejayaan murid dan kelima, keputusan peperiksaan awam sekolah luar bandar yang kurang memuaskan.

Faktor pertama yang mendasari kajian ini ialah dapatan kajian yang menunjukkan faktor kepemimpinan pengajaran pengetua di sekolah berkesan di luar negara (Ribbins, 2001) dikenalpasti mampu melahirkan murid yang berjaya dalam bidang akademik walaupun dari kumpulan berpendapatan rendah. Bukanlah menjadi tanggungjawab sekolah untuk mengubah SSE ibu bapa, namun sekolah mampu meningkatkan pencapaian akademik murid miskin setaraf dengan murid lain. Di sinilah peranan yang boleh dimainkan oleh pengetua kerana menurut Glasman (1984), kepemimpinan pengetua merupakan fokus ke arah proses perubahan. Di negara ini, kajian Saat (1989) dan Leong, Y. C., Cheong, Chew, Suradi, Marimuthu, Abd. Aziz, Abd. Rahim dan Lily (1989), juga menunjukkan kebanyakan sekolah terkenal di bandar dan berasrama penuh boleh berjaya kerana dipimpin oleh pengetua berpengalaman dan membawa perubahan manakala sekolah luar bandar diketuai pengetua kurang berpengalaman. Demikian juga kajian Abd. Karim (1989) mendapati perbezaan antara sekolah berkesan dan tidak berkesan di luar bandar di negara ini antara lain disebabkan oleh kemahiran kepemimpinan pengetua, persepsi pengetua tentang peranan mereka dan pengalaman sebagai pengetua.

Hampir semua kajian tentang sekolah berkesan (Edmonds, 1979; Brookover, Beady, Flood, Schweitzer dan Wisenbaker, 1979; Austin, 1979; Purkey dan Smith, 1983) mengenal pasti faktor kepemimpinan sekolah sebagai pemimpin pengajaran mempengaruhi pencapaian akademik murid dan pembentukan iklim sekolah yang kondusif. Ini bererti tanpa mengira

latar belakang murid, pengetua sebenarnya mampu membawa kejayaan kepada muridnya. Brookover et al. (1979) menyimpulkan pencapaian murid telah meningkat di sekolah yang mempunyai matlamat akademik yang jelas iaitu elemen yang ada kaitan dengan misi dan visi pengetua selaku pemimpin pengajaran. Austin (1979) menyenaraikan faktor kepemimpinan dan aspek permuafakatan antara pengetua, guru dan *stakeholder* sebagai pemangkin kecemerlangan sesebuah sekolah. Kajian Scribner dan Scribner (2001) terhadap sekolah SSE rendah etnik Mexico-Amerika menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian akademik murid kerana kejayaan pengetua sekolah mewujudkan permuafakatan dengan komuniti dan meletakkan jangkaan yang tinggi terhadap murid. Ringkasnya, kajian sekolah berkesan membuktikan jika pengetua menunjukkan kepemimpinan yang mantap, sekolah itu boleh menjadi sekolah yang lebih baik dari segi penghasilannya.

Faktor kedua yang mendorong kajian ini dilaksanakan ialah pandangan pengurusan tertinggi KPM terhadap tugas dan tanggungjawab pengetua di sekolah. Abd. Shukor (1988, 1993, 1998) telah membincangkan tentang keperluan pengetua melaksanakan tugas penyeliaan pengajaran, pengurusan setempat dan pengupayaan (*empowerment*) yang boleh dikategorikan sebagai elemen kepemimpinan pengajaran (rujuk ciri kepemimpinan pengajaran di Bab II). Demikian juga buku Pembangunan Pendidikan 2001-2010 menyatakan bahawa:

“Guru Besar dan pengetua merupakan pemimpin kurikulum pada peringkat sekolah. Mereka bertanggungjawab menyelia pelaksanaan kurikulum dan memberi kepemimpinan profesional kepada semua guru di sekolah masing-masing” (KPM, Bab 7 hal. 4)

Pernyataan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 tersebut juga menggariskan bahawa kecemerlangan pendidikan di sekolah hanya dapat dicapai melalui penekanan peranan guru besar/pengetua sebagai pemimpin kurikulum. Peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran adalah yang paling utama berbanding tugas lain seperti ditegaskan oleh McEwan (1998) bahawa peranan utama pengetua ialah pembentukan kepemimpinan yang mempunyai visi yang jelas dan mampu menterjemahkannya ke bentuk matlamat yang difahami oleh guru dan murid. Keperluan ini selaras dengan pandangan pengetua sebagai *lead teacher* dan perlu sentiasa berdamping bersama-sama guru dan murid kerana itulah sebenarnya peranan terpenting mereka. Oleh itu sewajarnya kajian tentang peranan dan usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pengetua selaku pemimpin pengajaran diberi penelitian sama ada berjaya mewujudkan matlamat sekolah yang jelas. Kajian Boyer (1983) juga mendapati jika sesebuah sekolah mencapai keputusan cemerlang dan wujud suasana komuniti yang selesa adalah kerana kelainan yang dibawa oleh pengetuanya.

Pandangan di atas bertepatan juga dengan resolusi Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan di Institut Aminudin Baki (IAB) pada 30 Oktober - 1 November 2001 yang memperakukan fokus kepemimpinan mestilah berasaskan kepemimpinan bilik darjah yang secara